

SURAU 'AL-ULUM KD9

Bil. 17. (Ogos, 2006M/Rejab, 1427H)

Untuk Edaran Ahli Kariah Sahaja

Percuma

ISU MURTAD : DIMANAKAH KITA ?

Baru-baru ini kita dikejutkan dengan laporan laman web Malaysiakini.com bertarikh 8 Julai 2006, dimana Mufti Perak Datuk Seri Harussani Zakaria mendakwa seramai 250,000 orang Islam di Malaysia termasuk seorang yang bergelar 'ustazah' telah murtad. Angka mengenai murtad itu diperolehi dari kajian sekumpulan profesional dan intelektual Melayu yang menjalankan kajian mengenai masalah ini pada tahun lepas. Jelasnya, masalah murtad di kalangan umat Islam tidak pernah reda. Perbincangan mengenainya pun tidak pernah mencapai noktah. Setiap kali isu ini timbul, emosi umat Islam akan bangkit.

Kebencian kafir Barat kepada mereka yang menyembah Allah adalah amat melampau. Pelbagai usaha dilakukan namun tidak mendatangkan hasil lumayan, tetapi yang pasti upaya memurtadkan kaum Muslimin tidak pernah pudar dari benak mereka. Islam dituduh agama yang 'ketat' dan zalim, tidak memberi kebebasan. Slogan kebebasan dilaungkan di serata dunia dan dijaja dengan penuh keindahan. Hak Asasi Manusia diolah sedemikian rupa sehingga menjadi satu perjuangan yang suci lagi menyucikan. Umat Islam terkeliru dan terpucau. Ada yang ingin membela Islam, namun meletakkan diri di kandang salah, membela Islam sebagai pihak yang tertuduh. Ada pula yang rosak dan busuk hatinya, terus menjadikan Barat sebagai *rasul* (ikutan), kerana inilah 'agama' baru yang lebih benar dari agama Allah. Inilah kebebasan yang benar, bebas sebeb-as-bebasnya. Inilah hak asasi bagi manusia!. Golongan sekular dan pemuja Barat seperti Sisters In Islam (SIS) menjadi tali barut musuh-musuh Allah dengan memperjuangkan habis-habisan hak untuk murtad sebagai sebahagian daripada Hak Asasi Manusia. SIS pernah mengatakan *"isu Kerajaan Langit menunjukkan bahawa pihak berkuasa agama menggunakan sumber kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan untuk menghukum Ayah Pin dan pengikutnya. Ini berlaku sungguhpun kebebasan memilih agama diterangkan dengan jelas di dalam Al Quran dan juga termaktub di dalam Perkara 11, Perlembagaan Persekutuan dan Perkara 18, Deklarasi Sejagat Hak Asasi Manusia (Article 18 of the Universal Declaration of Human Rights).*

Ini hanyalah secebis dari perkataan mereka yang ingin memadamkan cahaya Allah. Banyak lagi perkataan-perkataan seumpama ini yang sentiasa kedengaran dari 'kekasih-kekasih' Barat seperti ini. Setiap kali isu murtad muncul, maka mereka akan menzahirkan perjuangan mereka di dalam membela orang-orang murtad ini. Kenapakah kata-kata jijik ini dibenarkan berlegar di udara? Tidak lain tidak bukan kerana amalan kebebasan bersuara yang diamalkan pada hari ini. Ya, kebebasan bersuara yang membiarkan suara-suara kufur dialunkan tetapi menghalang suara-suara *haq* dari berkumandang. Suara untuk mengajak kembali kepada hukum-hukum Islam, kepada Daulah Khilafah Islamiyyah dan seumpamanya adalah suara-suara yang merbahaya tetapi seruan kepada kemurtadan adalah suara-suara yang mulia. Inilah hakikat Hak Asasi Manusia yang dilontarkan oleh Barat dan 'disambut baik' oleh pemuja-pemuja mereka dari kalangan kaum Muslimin.

Inilah barah sekularisme yang ada di dalam tubuh umat Islam, yang memisahkan agama dari kehidupan. Pembuatan undang-undang adalah di tangan manusia, bukan di tangan Allah. Manusia telah mengambil hak Allah sebagai *Asy-Syari'* (pembuat undang-undang). Undang-undang ciptaan manusia yang ada sekarang langsung tidak membuatkan orang gentar atau takut untuk murtad, malah peruntukannya 'semacam' membenarkan aktiviti sesat ini. Malaysia menganggap bahawa dadah adalah musuh utama sehingga hukuman mati mandatori dikenakan kepada pengedar dadah. Tiada kompromi tentangnya. Sebaliknya, kes murtad tidak dianggap isu utama dan orang yang



**MASJID TEMPAT PALING SELAMAT...
SELALULAH KONJONGI MASJID/SURAU, INSA'
ALLAH ANDA AKAN SELAMAT DUNIA & AKHIRAT**
Ikuti kisah benar Peristiwa Tsunami di Pulau Jawa baru-baru in di muka 4.

boleh lepas bebas. Jika hukuman matilah yang dicadangkan, maka Hak Asasi Manusia akan diambil kira dan wajib diutamakan!! Mesti berkompromi. Inilah apa yang berlaku dan inilah hakikat mereka yang berpegang teguh dengan sekularisme.

Wahai kaum Muslimin! Kita semua tahu bahawa salah satu tujuan luhur Islam dalam menjaga masyarakat (yang disebut sebagai *maqasid syar'iyah*) adalah 'menjaga agama/aqidah'. Allah sekali-kali tidak memberi hak dan keizinan ke atas manusia untuk menyekutukannya atau tidak mempercayai kewujudannya (atheist). Allah Subhanahu wa Ta'ala menjaga agamanya melalui hukum bunuh ke atas orang-orang yang telah menukar kepercayaan (murtad) ini. Dan orang yang dibebankan oleh Allah untuk melaksanakan hukuman ini tidak lain tidak bukan adalah pemerintah. Wajib ke atas pemerintah menjaga agama Allah dengan menerapkan sistem yang datang dari Allah, bukan menerapkan hukum mengikut kehendak sendiri, kehendak manusia lain, apatah lagi kehendak musuh-musuh Allah (kafir Barat). Kita selalu berdoa dan mengharapkan supaya Allah menjadikan orang-orang yang bertaqwa/takut (kepada Allah) sebagai pemimpin kita, bukan pemimpin yang 'bertaqwa' kepada Barat. Hanya pemimpin yang bertaqwa kepada Allah sahajalah yang akan menyelamatkan umat ini dari kehancuran. Wallahualam

PESANAN

Kami dengan rendah diri memohon kerjasama sdr/sdri. sekalian agar menyimpan Buletin ini ditempat yang sesuai demi menjaga Kesucian Agama Islam dan keberkatan ilmu yang disampaikan

— Biro Penerbitan & Penerangan

POHON KEBERKATAN BULAN REJAB

Dikeluarkan oleh Abu Nu'aim di dalam kitab Al-Hilyah dengan isناد yang daif daripada Anas bin Malik r.a katanya, Rasulullah saw apabila memasuki bulan Rejab Baginda saw telah berdoa yang maksudnya: *"Wahai Allah, berkatilah kami di dalam bulan Rejab dan Syakban dan sampaikanlah kami ke dalam bulan Ramadan."*

Hadis di atas telah dikeluarkan oleh Ad-Dailami di dalam Musnad Al-Firdaus daripada Anas bin Malik r.a. Hadis-hadis di dalam Musnad Al-Firdaus ini adalah lemah. Hadis lemah adalah dipakai dan diamalkan di dalam amalan-amalan soleh yakni di dalam penjelasan ke atas kelebihan-kelebihan amalan sebagaimana yang disepakati oleh alim ulamak dan sebagaimana dinukilkan oleh Al-Imam An-Nawawi di dalam kitab beliau Al-Azkar.

Dikeluarkan juga hadis oleh Abu Al-Fath bin Abu Al-Firdaus di dalam penulisannya dan telah dinukilkan oleh As-Sayuthi di dalam kitab Al-Jami-us-Sohir (hadis mursal) daripada Al-Hassan Al-Basry katanya, Rasulullah saw telah bersabda maksudnya: *"Rejab adalah bulan Allah, Syakban adalah bulanku dan Ramadan adalah bulan umatku."*

Diriwayatkan bahawa Nabi saw juga telah bersabda: *"Ketahuilah bahawa bulan Rajab itu adalah bulan ALLAH, maka:*

- *barangsiapa yang berpuasa satu hari dalam bulan Rejab dengan ikhlas, maka pasti ia mendapat keredhaan yang besar dari ALLAH SWT.*
- *barangsiapa yang berpuasa dua hari dalam bulan Rejab mendapat kemuliaan di sisi ALLAH SWT.*
- *barangsiapa berpuasa tiga hari dalam bulan Rejab, maka ALLAH akan menyelamatkannya dari bahaya dunia, seksa akhirat, dari terkena penyakit gila, penyakit putih-putih di kulit badan yang menyebabkan sangat gatal dan diselamatkan dari fitnahnya syaitan dan dajjal.*
- *barangsiapa berpuasa tujuh hari dalam bulan Rejab, maka ditutupkan tujuh pintu neraka Jahanam.*
- *barangsiapa berpuasa lapan hari dalam bulan Rejab, maka dibukakan lapan pintu syurga baginya.*
- *barangsiapa yang berpuasa lima hari dalam bulan Rejab, permintaannya akan dikabulkan oleh ALLAH SWT.*
- *barangsiapa berpuasa lima belas hari dalam bulan Rejab, maka ALLAH mengampuni dosa-dosanya yang telah lalu dan menggantikan kesemua kejahatannya dengan kebaikan, dan barangsiapa yang menambah (hari-hari puasa) maka ALLAH akan menambahkan pahalanya."*

Sabda Rasulullah saw: *"Pada malam Mikraj, saya melihat sebuah sungai yang airnya lebih manis dari madu, lebih sejuk dari ais dan lebih harum dari minyak wangi, lalu saya bertanya Jibril as: "Wahai Jibril untuk siapakah sungai ini?" Berkata Jibril as: "Ya Muhammad sungai ini adalah untuk orang yang membaca selawat untuk engkau dibulan Rajab."*

Dalam sebuah riwayat Tsauban bercerita: "Ketika kami berjalan bersama-sama Nabi saw melalui sebuah kubur, lalu Nabi berhenti dan Baginda menangis dengan amat sedih, kemudian baginda berdoa kepada ALLAH SWT. Lalu saya bertanya Rasulullah saw: *"Ya Rasulullah saw, mengapakan anda menangis?"* Lalu Rasulullah saw bersabda: *"Wahai Tsauban, mereka itu sedang disiksa dalam kubur mereka, dan saya berdoa kepada ALLAH, lalu ALLAH meringankan seksa ke atas mereka."* Sabda Rasulullah saw lagi: *"Wahai Tsauban, kalaulah sekiranya mereka ini mahu berpuasa satu hari saja dalam bulan Rejab, dan mereka tidak tidur semalam sahaja di bulan Rejab nescaya mereka tidak akan disiksa dalam kubur."* Tsauban bertanya: *"Ya Rasulullah saw, apakah hanya berpuasa satu hari dan beribadah satu malam dalam bulan Rejab sudah boleh mengelakkan dari seksa kubur?"* Sabda Rasulullah saw: *"Wahai Tsauban, demi ALLAH Zat yang telah mengutus saya sebagai nabi, tiada seorang muslim lelaki dan perempuan yang berpuasa satu hari dan mengerjakan solat malam sekali dalam bulan Rejab dengan niat kerana ALLAH, kecuali ALLAH mencatatkan baginya seperti berpuasa satu tahun dan mengerjakan solat malam satu tahun."*

"Semua manusia akan berada dalam keadaan lapar pada hari kiamat, kecuali para nabi, keluarga nabi dan orang-orang yang berpuasa pada bulan Rajab, Sya'ban dan bulan Ramadhan. Maka sesungguhnya mereka kenyang serta tidak ada rasa lapar dan haus bagi mereka."

Antara Amalan-amalan Bulan Rejab

1. Mengerjakan Puasa Sunat Rejab
2. Melaksanakan Solat Sunat Rejab – pada awal, pertengahan dan akhir serta setiap malam Juma'at Bulan Rejab
3. Memperbanyakkan Istigfar Pada bulan Rejab
4. Berzikir, Bertasbih, Berselawat pada setiap hari Bulan Rejab
5. Membaca Doa Awal Rejab. Wallahualam.

ISRAK & MIKRAJ RASULULLAH SAW

Setelah Khadijah dan Abu Talib meninggal dunia maka hilanglah salah satu kekuatan dan benteng tempat Rasulullah bersandar. Abu Talib merupakan orang yang sangat berpengaruh di Makkah dan sangat disegani oleh orang ramai. Orang-orang kafir berasa segan untuk menganiya Nabi Muhammad saw selagi Abu Talib masih melindunginya. Khadijah pula merupakan seorang isteri yang sangat istimewa. Rasa penat dalam berdakwah akan hilang sebaik sahaja baginda bertemu Khadijah yang telah banyak mengorbankan seluruh harta kekayaannya untuk perjuangan risalah suci. Pengaruhnya juga sangat kuat dikalangan penduduk Makkah. Justeru itu, wafatnya kedua orang ini merupakan satu kehilangan besar dalam kehidupan Rasulullah, sebab kedua-dua tokoh Quraisy ini merupakan sayap perjuangan Baginda. Rasulullah merasakan kesedihan yang amat sangat dengan kehilangan dua orang yang sangat dicintainya. Maka tahun pemergian keduanya itu dinamakan dengan tahun kesedihan.

Disaat-saat menghadapi ujian yang sangat berat dan tingkat perjuangan yang sudah sampai ke puncaknya ini, gangguan dan hinaan, aniya serta siksaan yang dialami Baginda dengan pengikut-pengikutnya semakin hebat. Maka pada saat ini pulalah, iaitu pada 27 Rejab, Allah SWT memerintahkan supaya Rasulullah saw menjalani Israk dan Mikraj.

Israk ialah perjalanan Nabi saw dari Masjidil Haram di Makkah ke Masjidil Aqsa di al-Quds. Mikraj ialah kenaikan Rasulullah saw menembusi lapisan langit tertinggi sampai batas yang tidak dapat dijangkau oleh ilmu semua makhluk, malaikat, manusia dan jin. Semua itu ditempuh dalam sehari semalam. Ringkasnya, Israk dan Mikraj adalah merupakan perjalanan pada malam hari dari Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa terus naik ke langit ketujuh dan Sidratul Muntaha. Disitulah baginda menerima perintah langsung dari Allah SWT tentang solat lima waktu.

Keesokan harinya Rasulullah saw menyampaikan apa yang disaksikannya kepada penduduk Makkah. Tetapi oleh kaum Musrik berita itu didustakan dan ditertawakan. Sehingga sebahagian mereka menentang telah meminta Rasulullah saw untuk menggambarkan Baitul Maqdis jika benar ia telah pergi dan melakukan solat di dalamnya. Padahal ketika menziarahinya, tidak pernah terlintas dalam fikiran Rasulullah saw untuk menghafal bentuknya dan menghitung tiang-tiangnya. Kemudian Allah memperlihatkan bentuk dan gambar Baitul Maqdis di hadapan Rasulullah saw sehingga dengan mudah baginda menjelaskannya secara terperinci sebagaimana yang mereka pinta.

Bukhari dan Muslim meriwayatkan bahawa Rasulullah saw bersabda: *"Ketika kaum Quraisy mendustakan aku, aku berdiri di Hijir (Ismail), lalu Allah memperlihatkan Baitul Maqdis kepadaku. Kemudian aku khabarkan kepada mereka tentang tiang-tiangnya dari apa yang aku lihat."*

Berita ini oleh sebahagian kaum Musrikin disampaikan kepada Abu Bakar dengan harapan dia akan menolaknya. Tetapi, ternyata Abu Bakar menjawab, 'Jika memang benar Muhammad yang mengatakannya, maka dia telah berkata benar dan sesungguhnya aku akan membenarkannya lebih dari itu.' (Baca kisah Abu Bakar As-Siddiq di ruangan sebelah)

Pada pagi hari dari malam Israk itu Jibril datang kepada Rasulullah saw mengajarkan cara solat dan menjelaskan waktu-waktunya. Sebelum disyariatkan solat lima waktu, Rasulullah saw melakukan solat dua rakaat dipagi dan dua rakaat dipetang hari sebagaimana dilakukan oleh Nabi Ibrahim as.

Hikmah Allah memerintahkan Israk dan Mikraj kepada Rasulullah saw dalam perjalanan satu malam itu, adalah untuk lebih menambahkan lagi kekuatan iman dan keyakinan baginda sebagai Rasul yang diutus Allah ke tengah-tengah umat manusia. Dengan demikian akan bertambah kuatlah batin baginda sewaktu menerima cubaan dan musibah serta siksaan bertapa pun besarnya dalam memperjuangkan cita-cita murni, mengajar seluruh umat manusia kepada Agama Islam.

Peristiwa Israk Mikraj ini disamping memberikan kekuatan batin kepada Nabi Muhammad saw dalam memperjuangkan dan menegakkan agama Allah juga menjadi ujian bagi keimanan kaum muslimin. Bagi kaum kafir Quraisy peristiwa Israk dan Mikraj ini mereka jadikan senjata untuk menuduh Nabi sebagai seorang yang tidak normal otaknya dan mereka jadikan sebagai bahan hinaan dan cacian.

Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel anda untuk dikongsi bersama. Sila majukan ke alim4@tnb.com.my

"save Muslim souls" in Iraq

[Remember what Al Quran says, *"Never will the Jews nor the Christians be pleased with you (O Muhammad Peace be upon him) till you follow their religion. Say: "Verily, the Guidance of Allah (i.e. Islamic Monotheism) that is the (only) Guidance. And if you (O Muhammad Peace be upon him) were to follow their (Jews and Christians) desires after what you have received of Knowledge (i.e. the Quran), then you would have against Allah neither any Walee (protector or guardian) nor any helper."*] (سورة البقرة , Al-Baqara, Chapter #2, Verse #120)



PLEASE CALL OUR MASJID "MASJID"! Not "MOSQUE"!!!

US Christian evangelists want to "save Muslim souls" in Iraq, writes David Rennie in Cleveland (*in a leading newspaper in the United States recently - editor*)

American Christian missionaries have declared a "war for souls" in Iraq, telling supporters that the formal end of the US-led occupation in June will close an historic "window of opportunity".

Organising in secrecy, and emphasising their humanitarian aid work, Christian groups are pouring into the country, which is 97 per cent Muslim, bearing Arabic Bibles, videos and religious tracts designed to "save" Muslims from their "false" religion. The International Mission Board, the missionary arm of the Southern Baptists, is one of those leading the charge. John Brady, the IMB's head for the Middle East and North Africa, this month appealed to the 16 million members of his church, the largest Protestant denomination in America.

"Southern Baptists have prayed for years that Iraq would somehow be opened to the gospel," his appeal began. That "open door" for Christians may soon close. "Southern Baptists must understand that there is a war for souls under way in Iraq," his bulletin added, listing Islamic leaders and "pseudo-Christian" groups also flooding Iraq as his chief rivals. The missionaries are mainly evangelicals who reject talk of Muslims and Christians worshipping the same God.

Jerry Vines, former head of the Southern Baptist Convention, has described the Prophet Mohammed as a "demon-obsessed paedoph" Franklin Graham, son of Billy Graham and the head of Samaritan's Purse, a big donor to Iraq, has described Islam as a "very evil and wicked religion".

The missionaries pose a dilemma for President George W Bush. He has reached out to Muslims since September 11, shrugging off criticism from evangelicals to describe Islam as "peaceful". But Christian conservatives are also a key Bush constituency: Franklin Graham delivered the invocation prayer at his presidential inauguration. The US Agency for International Development has said that the government cannot rein in private charities. "Imagine what the US Congress would say to us," said a spokesman in April.

Jon Hanna, an evangelical from Ohio who has recently returned from Iraq, applied for a new passport to travel there, describing himself as a humanitarian worker. "I was worried the US authorities might try to stop us, might be worried we were going to start a riot with our Bibles."

In Baghdad last month Mr Hanna met two other American missionary teams. One, from Indiana, had shipped in 1.3 million Christian tracts. "A US passport is all you need to get in, until the new Iraqi government takes over. What we thought was a two-year window, originally, has narrowed down to a six month window," said Mr Hanna, an evangelical minister and editor of Connection Magazine, a Christian newspaper in Ohio. He describes Islam as "false". He cited St John's Gospel, saying: "Who is the liar? It is the man who denies that Jesus is the Christ. Such a man is the antichrist." Mr Hanna concluded: "The Muslim religion is an antichrist religion." Later Mr Hanna asked to retract that choice of words. "Without the reader hearing my voice and looking into my eyes as I made that statement, it would be easy for certain readers to feel personally attacked and be offended," Mr Hanna wrote by email. "That would be unfruitful." He rejected the suggestion that aid work was a "cover" for missionary work, preferring to call it a "conduit for sharing the gospel of Jesus. Christians are commanded to minister to the hungry, but also to the hunger of the spirit. It can't be separated," he said.

In public, the largest groups put the emphasis on their delivery of food parcels and their medical work. However, their internal fund-raising materials emphasise mission work. One IMB bulletin reported aid workers handing out copies of the New Testament and praying with Muslim recipients. Another bulletin said Iraqis understood "who was bringing the food . . . it was the Christians from America."

Southern Baptists from North Carolina visited Iraq in October to help hand out 45,000 boxes of donated food. One of the team, Jim Walker, told IMB's Urgent News bulletin that he met village children "starved of attention and I could tell some of them have not eaten well. But their biggest need is to know the love of Christ."

Mr Hanna said he encountered friendly curiosity, with noisy crowds gathering to take his group's tracts. "Maybe 10 per cent were hostile." He was one of 21 on his mission including Jackie Cone, 72, a Pentecostalist grandmother from Ohio who said God had told her to join a second mission planned for next year. "I sensed Him telling me to come back in January," she said. Mrs Cone is confident she made converts in Baghdad. In her hotel she met a Muslim woman on crutches with a leg operation due that day. Mrs Cone knelt on the lobby floor and prayed that surgery would not be required.

I was flipping through this book the other day called "THE COMPLETE IDIOT'S GUIDE TO UNDERSTANDING ISLAM" and it is filled with fun facts. One of them concerns the term "Mosque."

So many of us think that this is the English translation of Masjid. I'm sure none of us ever wondered how this term came into being when it really had little in common with how it sounded compared to 'Masjid'. (We were very young when we were taught this English word. Our minds then were not critical & analytical, so didn't dare to ask/challenge our teachers, right?).

Anyway this book pointed out that the term 'mosque' is derived from the Spanish word for "mosquito." It was termed as such because during the Crusades, King Ferdinand said they were going to go and swat the Muslims "like mosquitoes". (Where else can they find Muslims in large number to be swatted if not in a Masjid?). So, they cheekily termed "Masjid" as "Mosque".

So dear Muslim brothers and sisters, refrain from using this term which is obviously a disgusting slap in the face to the Ummah. Educate our brothers and sisters to the history and etymology of this word. And let us replace it with the word which is MEANT to be used: Masjid! The Place of Prostration!! Not Mosque: the place to be! watted! If any of you have doubts about this, then please go look for the book and read it.

HEALTHCARE TIPS

How to fight aging



Did you know that just walking for 30 minutes, 3 or 4 times a week is enough to combat aging?

According to researchers at the University of California, one of the principle causes of deterioration of the human organism's physical faculties is its diminished ability to metabolize glucose. And they showed that even leisurely exercise, like taking a walk, plays an important role in keeping glucose metabolism functioning smoothly.

Do you spend the whole day sitting at your desk or in front of a computer screen? Why not get up occasionally and do a few minutes of physical exercise? Don't worry about what other people think.

In some Japanese companies, it is even become a collective habit. Every twenty minutes a bell sounds, and everybody gets up to do some stretching exercises, after which they sit down again as if nothing had happened. Japanese managers are convinced that their employees are more productive when they are relaxed.

"I saw her that evening and she said God had healed her, and she hadn't needed the surgery. She didn't say Allah, she pointed to Heaven and gave God the glory," she said. Mrs Cone led the Kurdish woman and her brother in prayer, asking Jesus into their hearts. "I'd given them a Bible and a Jesus video in Arabic. I think they think of themselves as Christians now," she said. "They have the Bible and I hope they will grow in grace."

Muslims are hard converts, American missionaries admit. The large organisations have experts trained in refuting Muslim teachings that Jesus is just another prophet. Before going to Iraq, Mr Hanna studied Christian training manuals and attended a seminar for missionaries to the Arab world. Mr Hanna concedes his new Iraqi friends were possibly drawn by the novelty of meeting Americans. "But you don't discount that, you use it as an opportunity to tell them about Jesus. Last time we only took 8,000 Arabic Bibles to Iraq. In future missions the goal is one million."

[They not only targeting Iraq but also Malaysia. Remember Al Quran says, "O you who believe! Enter perfectly in Islam (by obeying all the rules and regulations of the Islamic religion) and follow not the footsteps of Shaitan (Satan). Verily! He is to you a plain enemy. Then if you slide back after the clear signs (Prophet Muhammad SAW and this Quran, and Islam) have come to you, then know that Allah is All-Mighty, All-Wise." (سورة البقرة , Al-Baqara, Chapter #2, Verse #208-209)]

Petikan Al-Quran/Hadith

"Dan taatlah kepada Allah dan RasulNya dan janganlah kamu berbantah-bantah, yang menyebabkan kamu gementar dan hilang kekuatanmu dan bersabarlah. Sesungguhnya Allah beserta dengan orang-orang yang sabar." Al-Anfal: Ayat 46.

"Apabila amanah telah disia-siakan, maka tunggulah kehancuran." Sahabat bertanya: "Bagaimana mensia-siakannya?" Rasulullah menjawab: "Apabila sesuatu urusan diserahkan kepada orang-orang yang bukan ahlinya, maka tunggulah kehancurannya." – Hadis Riwayat Bukhari

MASJID TERSELAMAT LAGI.....

CIPATUJAH (Jawa Barat): Sekurang-kurangnya dua masjid di sini berdiri kukuh walaupun dihentam ombak tsunami sedangkan kawasan sekitarnya umpama padang jarak padang terkukur. Masjid Jamie As Sunnah yang terletak di pinggir pantai Cipatujah hanya mengalami kerosakan kecil iaitu pagar, cermin tingkap, beberapa jubin lantai dan peralatan elektrik yang rosak. Tsunami yang memusnahkan puluhan rumah dan gerai di sepanjang pantai itu, menyusul tidak lama selepas kira-kira 20 penduduk menunaikan solat Asar.

Sebahagian penduduk mengaitkannya dengan kekuasaan Allah SWT dan melihatnya sebagai peringatan kerana ada hampir 20 gerai yang menjual minuman keras termasuk kepada pelancong walaupun hanya 100 meter dari masjid. "Lihatlah kekuasaan Tuhan, kebanyakan bangunan di sini khususnya gerai lenyap tetapi masjid masih teguh. Gerai hampir dengan masjid tetapi menjual minuman keras. Di Pangandaran juga bebasnya maksiat termasuk ada tempat pelacuran dan di situ juga dihentam tsunami." Saya kira ini satu peringatan kepada umat Islam," kata Supriandi, 39, semalam.

Sementara itu, Masjid Pamungkas di Pantai Adipala di Binangun, Cilacap, Jawa Tengah, turut berdiri teguh walaupun tsunami yang melanda Desa Karangtawang menghancurkan keseluruhan rumah penduduk. Malah, seorang penduduk, Mangun Surojaya, 48, berkata ombak tsunami tidak memasuki bahagian dalam walaupun kedudukan masjid itu kurang 100 meter dari pantai.

Masjid Pamungkas dengan ketinggian empat meter, panjang tujuh meter dan lebar empat meter itu dibangunkan pada 1965 dengan reka bentuk perahu sempena memperingati bahtera Nabi Nuh. "Jika mahu dihitung kekuatan ombak dan kemusnahan bangunan sekitar kawasan itu, seharusnya Masjid Pamungkas hancur berkeping-keping tanpa meninggalkan sisa," katanya. (Petikan berita luarnegara)



Berita Ringkas Surau Al Ulum KD9

Tazkirah Khas - Surau Al-Ulum akan menganjurkan majlis tersebut selepas Solat Maghrib bertempat di surau kita.

1. 12 Ogos, 06 - Ust Abd Wahab Md Ali dari Medan Indonesia - Kemuliaan Bulan Rejab
2. 19 Ogos, 06 - Jemputan Khas - Isra' & Mikraj
3. 30 Ogos, 06 - YBhg. Dato' Dr Hassan Ali dari Akademi Keluarga Bahagia (AKRAB) - Motivasi Keluarga Islam. Semua ahli-ahli kariah dan keluarga dijemput hadir.

Kursus Pengurusan Jenazah, Insa' Allah dijangka akan diadakan di Surau Al Ulum KD9 pada Sabtu, 26 Ogos, 2006. Kursus selama sehari penuh ini adalah di bawah bimbingan Ust Mohamad Fauza Ali. Keterangan lanjut mengenai penyertaan sila hubungi Sdr Zainal di talian 019-2738578.

Sudut Puisi



CONFIRMED FLIGHT KE.....

Satu Peringatan buat diriku yang selalu kelupaan ...

Kenangilah akan flight kita ke alam barzakh
One way flight yang tiada jalan pulang nya
Bila pergi ia akan selamanya
Confirmed flight yang tak perlukan waiting list
Tak perlu booking dari awal
Tak ada boarding pass yang perlu diambil
Tak ada last call untuk boarding
Tak ada bagasi yang perlu di scan
Tak ada nombor tempat duduk yang perlu dicari
Tak ada economy class atau VIP
Tak ada senyum good morning sir dari paramugari
Tak ada juice dalam perjalanan
Tak ada demo keselamatan
Tak ada bahan bacaan untuk tatapan
Tak terlihat awan yang penuh keindahan
Dan tak ada ucap selamat dari juruterbang

Yang ada ...
Hanya check-in dari Izrail
Yang akan datang memanggil
Hanya ucap selamat dari tanah perkuburan
Hanya soalan dari mungkar nakir yang menggerunkan
Hanya bacaan talqin yang menginsafkan
Hanya gelombang sakaratul maut yang menyakitkan
Hanya pertarungan ujian dengan syaitan
Yang cuba menyesatkan aqidah dengan seribu penyamaran
Hanya iringan Yasin dan bacaan Al-Quran
Dari anak yang soleh, rakan dan taulan

Hanya amalan akan di scan
Dengan penuh detail dan ketelitian
Walaupun sebesar zarah akan dihitung
Segala perbuatan kita akan ditanggung
Amalan soleh atau toleh

Begitulah adilnya Tuhan
Tidak membiarkan sebarang penganiayaan
Untuk rujukan di liang perkuburan
Jika mulia jadilah taman syurga
Kalau hina.... Jadilah lubang neraka

Kita confirm akan ke sana
Tak ada yang terlepas dari persoalannya
Awat...dan beringatlah
Confirmed flight ini akan tiba jua
Bukankah Rasul telah bersabda
Cukuplah mati sebagai peringatan
Tiada tiket yang menunjukkan masa
Tiada transit di mana-mana
Tanpa mengetahui bilakah masa nya
Semuanya hanya ada
Dalam pengetahuan Tuhan yang Esa
Maha Menta'adib dan mengetahui
segala-gala nya

Wasalam

4

Jadual Pengajian Maghrib Surau Al Ulum KD9

Tarikh	Pengajar	Subjek
01/08 (Selasa)	Pengerusi Al Ulum	Umum
02/08 (Rabu)	Ust. Mazlan Khamis	Hadis Qudsi
03/08 (Khamis)	YAASIN/TAHLIL	-
04/08 (Jumaat)	Ust. Zaharuddin	Umum
05/08 (Sabtu)	Ust. Syed Nazli (Penang)	Umum
06/08 (Ahad)	Ust. Osman	Kisah Nabi
07/08 (Isnin)	Ust. Hamzah	Tauhid
08/08 (Selasa)	Ust. Hamim	Ulumul Quran
09/08 (Rabu)	Ust. Zainuddin Abu Bakar	Feqah
10/08 (Khamis)	YAASIN/TAHLIL	-
11/08 (Jumaat)	Ust. Khairuzaman	Tauhid
12/08 (Sabtu)	Ust. Abd Wahab Ali (Indonesia)	Tazkirah
13/08 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
14/08 (Isnin)	Ust. Halim Din (PZS)	Hadith
15/08 (Selasa)	Ust. Mazlan Khamis	Hadis Qudsi
16/08 (Rabu)	Ust. Kamal Mahadi (KISAS)	Tafsir
17/08 (Khamis)	YAASIN/TAHLIL	-
18/08 (Jumaat)	Ust. Azizi (As-Sahabah)	Feqah
19/08 (Sabtu)	Jemputan Khas	Tazkirah
20/08 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
21/08 (Isnin)	Ust. Hamzah	Tauhid
22/08 (Selasa)	Ust. Hamim	Ulumul Quran
23/08 (Rabu)	Ust. Zainuddin Abu Bakar	Feqah
24/08 (Khamis)	Ust. Abdullah Osman Iraqi	Hadis
25/08 (Jumaat)	Ust. Khairuzaman	Tauhid
26/08 (Sabtu)	Ust. Mohd Fauza Ali	Umum
27/08 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
28/08 (Isnin)	Ust. Ramadan	Ilmiah/Khas
29/08 (Selasa)	Ust. Osman	Kisah Nabi
30/08 (Rabu)	Dato' Dr. Hassan Ali	Tazkirah
31/08 (Khamis)	YAASIN/TAHLIL	-

Muslimin/muslimat dijemput hadir bagi meningkatkan ilmu dan mengeratkan silaturrahim. Jadual di atas tertakluk kepada perubahan.

Iklaneka Iklaneka Iklaneka Iklaneka Iklaneka Iklaneka

Program Bacaan Yaasin & Tahliil Sepanjang Tahun - Program ini disusun untuk tujuan mengimarahkan surau kita dengan bacaan Yaasin, Tahliil dan Zikir setiap hari Khamis malam Jumaat sepanjang tahun. Selain itu, program ini adalah juga bertujuan membantu muslimin/muslimat yang sibuk dengan tugas, menghadiahkan bacaan Yaasin, Tahliil dan Zikir kepada arwah keluarga yang telah meninggal dunia. Borang penyertaan boleh didapati di Surau Al Ulum KD9. Insa' Allah mudah-mudahan bacaan tersebut boleh memberi manfaat kepada arwah mereka yang kita kasihi.

Jualan VCD Forum/Ceramah/Kuliah di Surau Al Ulum KD9 - Sesiapa yang berminat boleh membeli CD berkenaan sambil menderma untuk tabung kewangan surau. Antara tajuk VCD adalah: Mini Forum Perdana (Ustazah Siti Noorbaayah Mahmud & Ustaz Wan Akasah), Ceramah Isu Murtad Peguam Zulkifli Nordin, Ceramah Ustaz Abd Wahab Ali, Medan Indonesia dan lain-lain lagi. Sesiapa yang berminat bolehlah berhubung Tn Hj Zainol Kasim di talian 012-2273137.

Ruangan Iklaneka Buletin Sinar Al Ulum - Individu/syarikat yang berminat dipelawa untuk mengiklankan produk/ perkhidmatan/perniagaan masing-masing di dalam Buletin Sinar Al Ulum KD9 yang dikeluarkan setiap bulan dengan sumbangan minimum yang akan disalurkan terus ke Tabung Surau Surau Al Ulum. Yang berminat boleh hubungi Hj Mohd Ali Mungai (017-8782 844), atau mana-mana AJK Surau.